

QV FLARE UP CREAM 10%w/w

Glycerol 10 %w/w

KANDUNGAN RISALAH INI

1. Apakah kegunaan QV Flare Up Cream 10%w/w
2. Bagaimana QV Flare Up Cream 10%w/w berfungsi
3. Sebelum menggunakan QV Flare Up Cream 10%w/w
4. Cara menggunakan QV Flare Up Cream 10%w/w
5. Semasa menggunakan QV Flare Up Cream 10%w/w
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan QV Flare Up Cream 10%w/w
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang pendaftaran produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP

APAKAH KEGUNAAN QV FLARE UP CREAM 10%w/w

- Rawatan emolien untuk melegakan ekzema atopik dan dermatitis. Melembapkan kulit kering.

BAGAIMANA QV FLARE UP CREAM 10%w/w BERFUNGSI

- Krim emolien untuk merawat gejala-gejala ekzema atopik.
- Mengandungi gliserin untuk membantu meningkatkan kelembutan, mengurangkan kekasaran, dan membantu meningkatkan fungsi kulit sebagai penghalang.
- Bebas daripada lanolin, propylene glycol, dan wangian.

SEBELUM MENGGUNAKAN QV FLARE UP CREAM 10%w/w

Bila tidak boleh menggunakan

Produk ini tidak sesuai digunakan oleh individu yang mempunyai alahan terhadap sebarang bahan-bahan kandungan dalam produk ini.

Sebelum mula menggunakan

Sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan produk ini.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Setakat ini tiada laporan masalah jika produk ini digunakan bersama ubat-ubat lain.

CARA MENGGUNAKAN QV FLARE UP CREAM 10%w/w

Sapukan pada bahagian yang terjejas tiga kali setiap hari, terutamanya selepas mandi, dan pada waktu malam. Elakkan sabun kerana ia boleh merengsakan kulit sensitif.

SEMASA MENGGUNAKAN QV FLARE UP CREAM 10%w/w

Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan daripada terkena mata. Untuk kegunaan luar sahaja. Jika ada sebarang ketidakselesaan, basuhkan kawasan terjejas dan hentikan penggunaan. Jika penyakit berlarutan, dapatkan nasihat pengamal penjagaan kesihatan anda.

KESAN-KESAN SAMPINGAN

Alahan kepada mana-mana bahan boleh menyebabkan kerengsaan kulit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Cosumers Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN QV FLARE UP CREAM 10%w/w

Cara penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Jauhkan daripada kanak-kanak.

Cara pelupusan

QV Flare Up Cream 10%w/w tidak patut dibuang dengan sisa-sisa buangan isi rumah. Sila merujuk kepada ahli farmasi anda untuk cara-cara pelupusan QV Flare Up Cream 10%w/w yang tidak diperlukan lagi. Langkah- langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

MAKLUMAT LANJUT

Rupa dan warna produk

QV Flare Up Cream 10%w/w adalah krim berkilat berwarna putih dalam tiub bersaiz 100g.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:

Glycerol

QV FLARE UP CREAM 10%w/w

Glycerol 10 %w/w

Bahan-bahan tidak aktif:

Benzalkonium Chloride
Solution, 1,3-Butylene
Glycol, Cetomacrogol 1000,
Cetostearyl Alcohol, Cetyl
Alcohol, Arlacel 170-PA-
(SG), Dimethicone 350,
Light Liquid Paraffin, Soft
White Paraffin, Potassium
Phosphate – Monobasic,
Povidone, Sodium Phosphate
– Dibasic Anhydrous, Water
Purified, Phenoxyethanol,
Methyl Hydroxybenzoate,
Propyl Hydroxybenzoate.

Nombor Pendaftaran

Malaysia (MAL No.)

MAL17116078XR

PENGILANG

EGO PHARMACEUTICALS
PTY LTD
21-31 Malcolm Road,
Braeside, 3195
Australia

PEMEGANG

PENDAFTARAN

PRODUK

Ego Pharm Malaysia Sdn Bhd
1-6 Block A, Jaya One,
72A Jln Universiti,
46100 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

TARIKH KEMASKINI

RIMUP

19/7/2023